

Majlis
Lanterana Aidifutri
MBPG 2023



Edisi Digital

9 | Karnival Kerjaya Myfuturejobs
Pasir Gudang 2023

22 | Kejohanan Badminton Terbuka
Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2023

BERITA
MENARIK
DI DALAM

KANDUNGAN MENARIK



M/S **8** Lawatan Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah.



M/S **12** Program Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang 2023.



M/S **20** Sambutan Hari Buaya Sedunia Sarang Buaya Pasir Gudang 2023 Berlangsung Meriah.



M/S **30** Majlis Ilmu Keluarga Jannah

© HAK CIPTA TERPELIHARA

Sidang Redaksi BERITA DYNAMIC PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklum balas. Sila kemukakan kepada:

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
Aras 19, Jalan Bandar,
81700 Pasir Gudang.
Tel : 07-254 7777
Faks : 07- 251 5260
Web : www.mbpbg.gov.my

SIDANG REDAKSI BERITA DYNAMIC PASIR GUDANG

PENAUNG

Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pasir Gudang

PENASIHAT

Encik Mohd Hafiz bin Aliman
Setiausaha

EDITOR

Puan Siti Famziah binti Azman
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

PENGARANG

Puan Nadztasha binti Mohd Puad

PENERBIT

Bahagian Korporat & Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

KONSEP & REKA GRAFIK disediakan oleh PGI Media





MAJLIS ANGKAT SUMPAH

LANTIKAN TIMBALAN SETIAUSAHA MBPG



Sekalung penghargaan dan setinggi tahniah diucapkan kepada Encik Abdul Malik bin Mohamed yang telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha yang ke-3, Majlis Bandaraya Pasir Gudang yang baru bagi menggantikan Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab yang telah mencapai umur persaraan wajib pada 6 Jun 2023 yang lalu.

Beliau telah mengangkat sumpah pada satu majlis rasmi yang dianjurkan pada 29 Mei 2023 yang lalu bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Menara Aqabah di depan Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).

Turut hadir menyaksikan majlis adalah Dato' Haji Mohd. Amin Ahmad, Ketua Whip MBPG berserta ahli-ahli majlis yang lain.

Semoga dengan perlantikan ini akan dapat meningkatkan lagi potensi diri beliau dan seterusnya mampu menyumbang kepada perkhidmatan yang terbaik di MBPG.



MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARD (MLAA 13) 2023



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menerima Anugerah Malaysia Landscape Architecture Award (MLAA 13) 2023 melalui Projek Community Garden, Pasir Gudang di dalam kategori *Government – Green Initiatives Awards* pada 27 Mei 2023 bertempat di The Westin Desaru Coast Resort, Desaru, Johor.



Pengiktirafan yang diterima adalah di atas inisiatif dan fokus MBPG terhadap projek Kejiranan Hijau, baja kompos dan SPH yang telah dilaksanakan secara kolaborasi bersama komuniti. Ianya selaras dengan hasrat bagi menjadikan Pasir Gudang Bandar Rendah Karbon menjelang 2030.

Penyertaan MBPG mempamerkan Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 juga adalah sebagai penanda aras bagi membolehkan pihak berkepentingan dan agensi yang berkaitan menjayakan pembangunan bandar disamping mengurangkan pelepasan GHG.



Selari dengan misi MBPG untuk memastikan perancangan, pemantauan dan pelaksanaan dilakukan secara efisien dan efektif mengikut prosedur untuk mencapai tahap kualiti yang tinggi bagi sesebuah bandar yang terancang. Inisiatif Kejiranan Hijau iaitu Kebun Program Komuniti Bandar merupakan program yang dilaksanakan oleh Bahagian Landskap MBPG dalam memastikan proses pelaksanaan kearah bandar hijau dan Gaya Hidup Sihat mencapai objektif. Bagi memperkasakan proses ini, kolaborasi bersama komuniti dan pemegang taruh merupakan kunci kepada kejayaan yang dicapai.

Majlis Tadarus, Khatam Al-Quran Dan Iftar Jama'ie

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Khatam al-Quran sememangnya dituntut dan menjadi salah satu amalan sunnah yang akan dijanjikan ganjaran dan darjat yang tinggi.

Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dengan kerjasama Surau Raudhatul Jannah, Taman Sierra Perdana telah menganjurkan Majlis Tadarus, Khatam Al-Quran dan Iftar Jama'ie bersempena bulan Ramadan 1444H pada 10 April 2023. Program telah berlangsung pada jam 4.00 petang dengan ketibaan qariah surau dan warga kerja MBPG sebelum bersama-sama menunaikan solat asar secara berjemaah.

Selepas selesai daripada solat asar kemudiannya program tadarus dimulakan dengan melibatkan qariah surau dan wakil-wakil warga kerja MBPG dari jabatan, bahagian dan unit dengan membaca Al-Quran mengikut surah-surah dan juzuk-juzuk yang telah ditetapkan.

Majlis Khatam Al-Quran telah dipimpin oleh YBhg. Ustaz Mohd Sabree bin Haji Mohd Salleh yang juga merupakan Penolong Kaunselor, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Beliau juga telah berkesempatan menyampaikan tazkirah ramadan sementara menunggu masuknya waktu berbuka puasa.

Majlis penyampaian bantuan raya kepada seramai 25 orang asnaf yang telah dipilih oleh pihak Majlis Agama Islam Johor telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG. Turut hadir menyantuni majlis, YBhg. Ustaz Hairul Nizam bin Mahbop, Pengerusi Surau Raudhatul Jannah.



“IFTAR JAMAIE IMARAH TARAWIH”

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG BERSAMA KOMUNITI 2023

Dalam meraikan ibadah berpuasa, Majlis Bandaraya Pasir Gudang melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama Yayasan Pasir Gudang, Ahli Majlis MBPG, Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau, telah mengambil inisiatif menganjurkan Program “Iftar Jamaie Imarah Tarawih” bermula pada 27 Mac hingga 13 April 2023 yang melibatkan 12 Zon bertempat di Masjid dan Surau Pasir Gudang.

Program telah dirancang dan disusun bagi menyahut seruan melaksanakan kebaikan melalui keutamaan memberi makan orang

yang berpuasa serta beramal sedekah bagi mereka yang ingin berbuat demikian. Datuk Bandar Pasir Gudang atau wakil rasminya akan bersama-sama dengan jemaah masjid atau surau untuk memberikan sumbangan dan seterusnya berbuka puasa di masjid atau surau yang telah ditetapkan. Selesai berbuka puasa Datuk Bandar atau wakil rasminya akan ke masjid atau surau seterusnya untuk bertarawih dan moreh bersama Jemaah masjid atau surau di kawasan tersebut. Secara tidak langsung program ini

merapatkan hubungan silaturahim antara penduduk di Kawasan Pasir Gudang.

Program ini juga telah diceritakan lagi dengan sumbangan kepada asnaf di kawasan tersebut daripada pihak MBPG dan Yayasan Pasir Gudang. Bantuan daripada Datuk Bandar atau wakil rasminya telah menyerahkan sumbangan RM1,000.00 kepada setiap masjid atau surau yang dilawati bagi tujuan melaksanakan program di masjid atau surau sepanjang Ramadan berlangsung.

JADUAL PENGGILIRAN MASJID DAN SURAU

BIL	TARIKH	ZON	BERBUKA PUASA	ZON	SOLAT TARAWIH
1.	27 Mac 2023 (Isnin)	Tanjung Puteri	Surau Taman Puteri Resort	Pasir Putih	Masjid Taman Pasir Putih
2.	29 Mac 2023 (Rabu)	Air Biru	Masjid Al-Ulya Taman Air Biru	Bukit Dahlia	Surau Al Hafiz Taman Bukit Dahlia
3.	2 April 2023 (Ahad)	Scientex 2	Surau Al-Hikmah Taman Scientex	Scientex 1	Surau Al-Ikhlash Taman Scientex
4.	4 April 2023 (Selasa)	Cahaya Baru Tanjung Langsung	Surau Al-Bararah	Tiram	Surau At-Taqwa Kg Mulia
5.	11 April 2023 (Selasa)	Seri Alam 1	Masjid Nurul Hidayah	Rinting 1	Surau Beringin
6.	13 April 2023 (Khamis)	Kota Masai 1	Surau Al-Hidayah	Kota Masai 3	Surau Nur Iman



ZON : TANJUNG PUTERI
Masjid Taman Tanjung Puteri Resort



ZON : PASIR PUTIH
Masjid Taman Pasir Putih





ZON : AIR BIRU
Masjid Al-Ulya



ZON : BUKIT DAHLIA
Surau Al-Hafiz



ZON : SCIENTEX 1
Surau Al-Hikmah



ZON : SCIENTEX 2
Surau Al-Ikhlis



ZON : Cahaya Baru
Surau Al-Bararah



ZON : TIRAM
Surau At-Taqwa Kg Mulia



ZON : RINTING
Surau Beringin



ZON : SERI ALAM



ZON : KOTA MASAI 1

Lawatan Perkongsian Ilmu

BERSAMA 70 ORANG PELAJAR POLITEKNIK PAGOH, MUAR



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menerima lawatan sambil belajar mengenai pemantauan pencemaran udara di kawasan pentadbiran MBPG oleh pihak Politeknik Pagoh pada 16 Mei 2023 yang lalu.

Seramai 70 orang pelajar dan 3 orang pensyarah telah terlibat dalam lawatan ini bagi menimba ilmu perihal pendedahan penggunaan peralatan kawalan udara yang digunakan di Pasir Gudang.

Turut hadir sama menyampaikan taklimat ialah Dr. Muhammad Razif bin Ramlan, Ketua Bahagian Pelesenan selaku wakil kepada Ketua Jabatan Kesihatan Awam dan Persekitaran MBPG. Taklimat telah dijalankan di Auditorium, Aras 3 Menara Aqabah. Hasil daripada lawatan dan apabila dilakukan latihan pemantauan mendapati bacaan debu terampai adalah di persekitaran PM2.5 manakala pemantauan pelepasan gas-gas berbahaya adalah terkawal.

MBPG merakamkan ucapan setinggi penghargaan di atas kesudian pihak Politeknik Pagoh memilih Pasir Gudang untuk lawatan kali ini dan semoga kedua belah pihak mendapat manfaat hasil dari perkongsian yang telah dilaksanakan.

Lawatan Kerja

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI, KEDAH

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menerima lawatan kerja daripada Majlis Perbandaran Sg. Petani, Kedah (MPSPK) pada 1 Jun 2023 yang diketuai oleh Encik Roslin bin Bakar selaku Ketua Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Sg. Petani, Kedah bersama 20 orang pegawai dan pembantu penguatkuasa MPSPK yang terlibat.

Ketibaan rombongan disambut mesra oleh Encik Nurazam bin Razali, Ketua Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan MBPG dan seterusnya dibawa melawat ke Galeri Pasir Gudang sebelum taklimat perkongsian maklumat dijalankan di Bilik Mesyuarat UTC, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Tujuan dan objektif lawatan kerja tersebut antara lain adalah untuk mengeratkan hubungan dua hala antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta sebagai medium perkongsian maklumat mengenai tatacara pengendalian dan operasi kerja-kerja penguatkuasaan.

Selari dengan objektif lawatan, MBPG turut memfokuskan perkongsian maklumat dan ilmu berkaitan bidang penguatkuasaan seperti SOP rampasan dan sitaan barang, tatacara penyimpanan barang dan tatacara pelupusan barang rampasan. Delegasi MPSPK turut dibawa melawat tapak ke Setor Penguatkuasa Penyimpanan Barang Rampasan MBPG bagi melihat dengan lebih dekat cara pengendalian barang rampasan secara fizikal.

Lawatan ini diharap dapat memberi manfaat kepada kedua belah pihak melalui perkongsian ilmu tersebut demi penambahbaikan masa hadapan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan awam terutama berkaitan penguatkuasaan undang-undang selari dengan piawaian dasar kerajaan.

MBPG juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak MPSPK di atas kesudian mengadakan kunjungan dan juga jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program.





KARNIVAL KERJAYA MYFUTUREJOBS PASIR GUDANG 2023

Terdapat **1,000 peluang pekerjaan** yang ditawarkan oleh 20 majikan yang telah berdaftar dengan MyFutureJobs di kawasan Pasir Gudang dan Johor Bahru semasa Karnival Kerjaya MyFutureJobs yang telah diadakan pada 20 hingga 21 Mei 2023 bertempat di Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Program ini adalah anjuran bersama dengan PERKESO Negeri Johor, dimana terdapat 5 agensi iaitu KWSP, PPTN, PERKESO, Tekun Nasional, dan Unit Strategik Modal Insan yang dijemput untuk menyertai pameran. Seramai 963 pencari kerja telah hadir dan mendaftar di aplikasi MYFutureJobs sepanjang dua hari Karnival ini berlangsung.

Satu segmen khas iaitu Sesi Bual Bicara Santai Petang oleh Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Mohd Mursyid bin Arshad Pensyarah Kanan Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia telah diadakan dengan dihadiri oleh pelajar-pelajar IPT sekitar Pasir Gudang.

Majlis Perasmian Penutup Karnival Kerjaya MYFutureJobs Pasir Gudang 2023 telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang Encik Abdul Malek bin Mohamed dan bersama Pengarah PERKESO Negeri Johor, Yang Berusaha Encik Tong Sing Chuang dengan simbolik penyampaian sijil tawaran pekerjaan kepada 5 orang yang berjaya dalam sesi temuduga oleh majikan.

Selain itu, beberapa faedah PERKESO turut disampaikan kepada para penerima yang layak seperti Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) PERKESO (Orang Bekerja Sendiri), Faedah Pencen Penakat Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR), Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK) Akta 4 PERKESO, Faedah Penakat Akta 4 PERKESO, Faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dan Faedah Pemulihan Akta 4. Tetamu jemputan juga kemudiannya telah dibawa menyertai sesi "walkabout" di setiap booth pameran dan syarikat yang terlibat dengan acara penyampaian sijil penghargaan.

Tahniah diucapkan kepada 116 pencari kerja yang berjaya menerusi sesi temuduga oleh majikan yang menyertai Karnival Kerjaya MyFutureJobs Pasir Gudang 2023 pada kali ini.



BENGGKEL PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (SPAS)

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Jabatan kesihatan Awam dan Persekitaran dengan kerjasama Noble Management Solution telah menganjurkan Bengkel Penambahbaikan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS) pada 25 Jun dan 27 Jun 2023 bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Menara Aqabah.

Bengkel yang berlangsung selama 2 hari itu tersebut adalah bertujuan untuk memastikan dokumen dan juruaudit ISO 14001:2015 mematuhi piawaian dokumen di samping memastikan kompetensi juruaudit ditingkatkan. Ianya juga adalah sebagai langkah persediaan menghadapi pengauditan oleh pihak Sirim yang telah dijalankan pada 23 September 2023.

Selain itu, bengkel yang diadakan turut fokus menyelesaikan isu-isu berbangkit semasa audit pensijilan SPAS yang dilaksanakan pada tahun 2022.

HARI PERTAMA



HARI KEDUA



KURSUS ETIKET DAN PROTOKOL MAJLIS RASMI



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dengan kerjasama Intan Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) dengan jayanya telah dapat menganjurkan Kursus Protokol Etiket Sosial dan Pengurusan Majlis Rasmi pada 7 Mei hingga 9 Mei 2023 bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Menara Aqabah. Selain para peserta, turut hadir semasa kursus adalah Ketua-ketua Jabatan dan Ahli Jawatankuasa Protokol MBPG.

Penganjuran program ini telah dapat mencapai objektif dan matlamat penganjurannya dalam menyenaraikan teori dan amalan protokol serta etiket sosial dalam pengurusan majlis. Bukan itu sahaja, kursus ini turut berjaya mencapai objektifnya dalam mengaplikasi kaedah dan tatacara protokol serta etiket sosial yang betul serta mengaplikasikan halacara mengurus pelbagai majlis berasaskan konsep dan amalan protokol secepat.



Program Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang 2023

Bubur Lambuk merupakan hidangan paling istimewa semasa bulan Ramadan. Oleh itu bagi menjadikan hidangan istimewa ini untuk dikongsi bersama kesemua komuniti MBPG di 24 buah zon, MBPG telah menganjurkan Program Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang 2023 bersempena ketibaan bulan Ramadan 1444 hijriah yang mulia. Bagi edisi Ramadan 1444H ini, program telah berlangsung di Dewan Muafakat Taman Bukit Dahlia bermula pada jam 7.30 pagi dan selesai sekitar jam 12.30 tengahari pada 9 April 2023.

Sebanyak 30 periuk bubur lambuk telah dimasak yang menghasilkan lebih kurang 10,000 bekas. Bubur-bubur ini telah disediakan oleh 30 kumpulan tukang masak terdiri daripada kumpulan masyarakat yang mewakili 21 Zon Pasir Gudang. Selain itu, turut terdapat 7 agensi dan NGO yang terlibat iaitu Balai Polis Pasir Gudang, Balai Bomba Pasir Gudang, Kelab Kilat Tenaga Nasional Berhad, Extreme Southern Hikers, Kelab Sukan Dan Kebajikan MBPG, Anulae MBPG dan Jawatankuasa Surau Raudhatul Jannah Taman Sierra Perdana.

Program ini turut mendapat sambutan daripada pelbagai pihak dengan melalui agensi, syarikat dan pihak yang bermurah hati menyumbang bagi menampung keperluan dan ramuan untuk penyediaan bubur lambuk tersebut. Pihak Lotte Chemical Titan merupakan penaja utama yang telah menyumbangkan sebanyak RM20,000.00. Lain-lain penaja adalah Yayasan Pasir Gudang, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd., Meridin East Sdn. Bhd., Tanjong Puteri Golf Resort Berhad, Padi Beras Nasional Berhad, Seri Alam Properties Sdn. Bhd., Felda Group Venture Transport Services Sdn. Bhd., Anulae MBPG, Maslee Wholesales CC (PG) Sdn. Bhd., Mewaholeo Industries Sdn. Bhd., Lam Soon Edible Oil Industries Sdn. Bhd., Petronas Wilayah Selatan, Regency Specialist Hospital, Eco Tropics Development Sdn. Bhd., Syarikat Jalen Sdn. Bhd., Johor Port Berhad dan Ranhill SAJ Sdn. Bhd.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG dan turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis MBPG, Ketua-Ketua Jabatan MBPG dan para penaja.

Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang prihatin terhadap kebajikan dan kepentingan komuniti, matlamat penganjuran program ini adalah bertujuan untuk mengeratkan silaturahim, mengimarahkan bulan Ramadan yang mulia dengan penyertaan dari pelbagai lapisan kaum, masyarakat dan budaya selain dapat berkongsi rezeki dengan penduduk Pasir Gudang melalui pengedaran bubur lambuk tersebut.

MBPG merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh pihak penaja dan penglibatan tukang-tukang masak yang telah merealisasikan program kali ini dengan jayanya.



PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI- TUMBUK RUSUK: PENGKISAHAN DARI TIRAI BESI



RASUAH MEMBAWA PADAH, INGAT SEBELUM KENA.

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Audit Dalam dan Integriti telah melaksanakan Program Pengukuhan Integriti Tumbuk Rusuk "Pengkisahan Dari Tirai Besi" bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah pada 12 Jun 2023. Program kali ini merupakan kesinambungan dari program ceramah yang telah diadakan sebelum ini pada 30 Januari 2023 yang bertajuk "Tumbuk Rusuk: Break the Silent".

Ceramah telah disampaikan oleh Encik Mohd Firdaus bin Ramlan selaku penceramah daripada CJ Global Venture yang merupakan syarikat yang menawarkan program-program menjurus kearah pencegahan rasuah dan mencaknakan integriti di dalam organisasi awam dan swasta yang menjadi tunjang kepada ekonomi negara.

Seramai 120 orang warga kerja terlibat mewakili semua Jabatan, Bahagian dan Unit di MBPG telah menyertai program pengukuhan yang dianjurkan. Hadir sama dalam program ini, Setiausaha MBPG, Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MBPG, Puan Hajah Faridah binti Hamid, serta Ketua Bahagian Audit Dalam dan Integriti MBPG, Puan Farah Wahida binti Nasarudin.

Tumbuk rusuk adalah kiasan halus bagi perbuatan memberi rasuah. Pemberian rasuah merupakan jenayah yang berbahaya dan boleh menyebabkan kehancuran kepada kehidupan individu. Rasuah ialah penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun.

Program seumpama ini akan dilaksanakan oleh MBPG secara konsisten kepada semua warga kerja dari semasa ke semasa dengan harapan semoga ianya akan membantu memberi kesedaran dan panduan supaya integriti sentiasa diletakkan pada tahap tertinggi sepanjang melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan.



PERTANDINGAN SINARI Ramadanku 2023

Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menganjurkan Pertandingan Sinari Ramadanku 2023 sempena malam 7 likur menerangi 10 malam terakhir di bulan Ramadan yang telah berlangsung pada 12 April hingga 17 April 2023.

4 kategori telah dipertandingkan dan antaranya adalah

- i. Kategori Rumah Individu Paling Bersinar.
- ii. Kategori Bangunan Swasta Dan Rumah Pangsa Paling Bersinar.
- iii. Kategori Balai Komuniti Paling Bersinar.
- iv. Kategori Khas: Zon Paling Bersinar.

Program yang dianjurkan turut mendapat sambutan komuniti setempat selain dapat menyamarakkan ukhawah di antara masyarakat melalui aktiviti bekerjasama menghias kawasan perumahan atau kampung dengan cahaya lilin dan lampu jalan raya. Selain itu, pertandingan sinari ramadanku 2023 turut berjaya mengekalkan budaya tradisi masyarakat melayu yang boleh dipelajari oleh orang muda pada masa kini dan sekaligus menceriakan dan mencantikkan wajah taman-taman perumahan di Pasir Gudang sebelum menyambut Hari Raya Aidilfitri.

KATEGORI RUMAH INDIVIDU PALING BERSINAR

JOHAN
(Nusa Damai)



NAIB JOHAN
(Tanjung Puteri)



KETIGA
(Kota Masai 2)



KATEGORI BANGUNAN SWASTA DAN RUMAH PANGSA PALING BERSINAR

JOHAN
(Cendana)



NAIB JOHAN
(Kota Masai 2)




KETIGA
(Scientex 1)



KATEGORI BALAI KOMUNITI PALING BERSINAR

JOHAN
(Mawar)



NAIB JOHAN
(Scientex 1)



KETIGA
(Kota Masai 2)





Seramai lebih dari 8,000 ribu pengunjung hadir membanjiri Dataran Al-Hamra, Menara Aqabah bagi memeriahkan Majlis Lantera Aidilfitri MBPG yang dianjurkan pada 14 Mei yang lalu bersamaan 23 Syawal 1444H.

Majlis dimulai dengan bacaan selawat oleh warga kerja MBPG bersama-sama YB Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG dengan turut diiringi oleh Setiausaha dan Timbalan Setiausaha.

Yang Berhormat Datuk Bandar seterusnya menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan 'Sinari Ramadanku 2023' bagi kategori Individu, Rumah Pangsa dan Swasta, Balai Komuniti dan Zon Paling Bersinar. Beliau turut mengedarkan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir bersama keluarga.



Pelbagai juadah bertemakan sambutan aidilfitri dihidangkan kepada para tetamu antaranya, ketupat, rendang, lemang, nasi beriani, laksa johor, aneka kuih muih dan biskut raya serta pelbagai lagi menu disajikan. Tetamu turut dihiburkan dengan persembahan pentas oleh Kumpulan Keroncong MBPG, The Riz Busker dan artis jempitan, Black Hanifah.





Turut memeriahkan majlis adalah dengan kehadiran Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor beserta isteri Yang Dihormati Puan Sri Datin Dr. Hajah Noor Azizah binti Abdul Latif, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Noh bin Ibrahim, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan), Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Johor, Ahli-Ahli Majlis, Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Johor, rakan-rakan dan pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Tempatan, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta Pengarah-Pengarah Agensi dan rakan-rakan media.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi turut sudi menyempurnakan Majlis Penyampaian Cenderahati kepada bakal haji dikalangan warga kerja MBPG dan pasangan masing-masing serta penyampaian cenderahati kepada Yang Berbahagia, Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab, Timbalan Setiausaha MBPG yang akan bersara wajib pada 6 Jun 2023. Semoga kemeriahan sambutan Lantera Aidilfitri ini mengeratkan lagi ukhwah yang terjalin di antara warga kerja dan komuniti Pasir Gudang yang membawa kepada keharmonian keseluruhan wilayah Pasir Gudang.





Marhaban Dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri

KEBUN KOMUNITI PASIR GUDANG

Buat julung kalinya peserta Kebun Komuniti Pasir Gudang melaksanakan majlis sambutan seperti ini yang disertai oleh 18 buah kebun komuniti sekitar Pasir Gudang yang melibatkan komuniti di bawah 24 zon dan Sekolah Pasir Gudang. Setiap kebun diwakili oleh 3 orang peserta yang menyantuni kebun komuniti dengan acara marhaban. Bagi peringkat akhir majlis, ia telah dianjurkan di Dewan Taman Bukit Dahlia yang melibatkan hampir 300 orang tetamu jemputan.

Timbalan Setiausaha, Encik Abdul Malek bin Mohamed, turut hadir selaku wakil rasmi Datuk Bandar bersama Ketua-Ketua Jabatan serta Ketua-Ketua Komuniti. Segala juadah sepanjang program berlangsung disediakan dan disumbang oleh kebun komuniti yang terlibat dan yang turut serta, manakala MBPG bertindak sebagai penyelaras program bagi setiap pergerakan dan aktiviti.

Semoga program sambutan Syawal seperti ini akan dapat dianjurkan lagi pada masa akan datang yang menjadi satu agenda atau aktiviti yang mengeratkan lagi hubungan dan jalinan kerjasama antara komuniti dan MBPG.





SAMBUTAN HARI BUAYA SEDUNIA

SARANG BUAYA PASIR GUDANG 2023 BERLANGSUNG MERIAH



Penganjuran Program Sambutan Hari Buaya Sedunia peringkat Sarang Buaya Pasir Gudang 2023 telah berlangsung dengan meriah bermula 3 Jun sehingga 5 Jun 2023. Antara aktiviti yang diadakan ialah taklimat Pakej Pendidikan Kenali Buaya, Pameran Anatomi Buaya Tembaga, Demonstrasi Penangkapan Buaya, Bergambar Bersama Reptilian Eksotik dan pelbagai penyediaan *food truck* disediakan.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Azizul bin Haji Bachok selaku ADUN Tiram. Di dalam ucapan perasmianya, Yang Berhormat berharap usaha atau anjuran program seperti ini dapat melonjakkan sektor eko pelancongan, farmaseutikal dan pendidikan yang berasaskan penyelidikan. Yang Berhormat turut berkesempatan untuk memasukkan cip pengenalan keatas anak buaya yang baru menetas dan seterusnya telah menamakannya sebagai 'Boya Marit'.

Sejajar melalui kempen ini juga, Sarang Buaya Pasir Gudang dilihat sebagai satu-satunya santuari buaya di Malaysia yang turut mengambil inisiatif menyertai kempen global ini buat kali kedua dengan menyediakan pelbagai aktiviti kesedaran alam sekitar, pendedahan kepada haiwan reptilia, kepentingan penjagaan kesihatan haiwan dan kepentingan habitat buaya di Malaysia.



PROGRAM RAMAH TAMAH UNITI

Semarakkan Perpaduan Pelbagai Kaum “Segulai Sejalai”



Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah hadir menyempurnakan Majlis Program Ramah Tamah Uniti – Kaamatan dan Gawai Tahun 2023. Program telah berlangsung pada 10 Jun 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, Taman Mawar, Pasir Gudang bermula jam 9.00 pagi hingga 11.00 malam.

Majlis telah dimeriahkan dengan pengisian program yang agak unik seperti acara penjualan makanan, sayur-sayuran serta kraftangan Borneo di samping persembahan Kebudayaan Etnik, Sembang Santai Kaamatan & Gawai serta persembahan artis jemputan dari Sarawak Rickie Andrewson. Selain itu penampilan khas Kumang Gawai & Unduk Ngadau, Pertandingan Kumang dan Peragaan Busana Borneo juga turut dianjurkan.

Antara kehadiran tetamu jemputan yang turut menyerikan majlis adalah Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor, Yang Berbahagia Dato' Indera Noridah Abdul Rahim, Ketua Setiausaha kementerian Perpaduan Negara, Yang Berbahagia Tuan Haji Muzaldin bin Mohamed, Pegawai Daerah Johor Bahru, Yang Berhormat Dato' Asman Shah din Abd Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Yang Berusaha Tuan Anderson, Pengarah Urusan Borneo MA Smart Vendors Sdn. Bhd. dan Yang Berusaha Puan Gangging Anak Sanggau, Presiden Persatuan Anak Borneo Semenanjung.

KEJOHANAN BADMINTON TERBUKA PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2023



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan telah menganjurkan Kejohanan Badminton Terbuka Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2023. Kejohanan ini dipertandingkan di bawah Kategori Berpasukan pada 17 hingga 18 Jun 2023 bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar Pasir Gudang. Sebanyak 18 pasukan telah menyertai kejohanan ini.

Keputusan pemenang dan hadiah adalah seperti berikut:

KEDUDUKAN	NAMA PASUKAN	HADIAH
JOHAN	Albert Sport	RM2,000.00 (Medal + Piala iringan)
NAIB JOHAN	MBPG B	RM1,500.00 (Medal + Piala iringan)
KETIGA	MP Kulai	RM1,000.00 (Medal + Piala iringan)
KEEMPAT	MJB Dengkis	RM750.00 (Medal + Piala iringan)

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang selaku wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang dengan diiringi oleh Yang Berbahagia Puan Noorhayati binti Sarmoen, Ketua Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada para pemenang dan semua yang terlibat dalam menjayakan Kejohanan Badminton Terbuka Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2023 Kategori Berpasukan.

PERLAWANAN AKHIR LIGA BOLA SEPAK PIALA FA

JOHOR PORT FC VS SENGAT FC ROVERS

Perlawanan akhir Piala FA Liga Bola Sepak Bandaraya Pasir Gudang 2023 telah berlangsung pada 17 Jun 2023 jam 4.00 petang bertempat di Padang MBPG 1.

Keputusan akhir telah memihak kepada pasukan Sengat FC dengan kemenangan sepakan penalti 5 (Sengat) - 4 (Johor FC). Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang selaku wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang dengan diiringi oleh Yang Berbahagia Puan Noorhayati binti Sarmoen Ketua Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Johan telah membawa pulang hadiah wang tunai RM4,000.00 beserta medal dan piala serta piala iringan manakala Naib Johan membawa pulang RM2,000.00 beserta medal dan piala.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada para pemenang dan semua yang terlibat dalam menjayakan Perlawanan Akhir Piala FA Liga Bolasepak Bandaraya Pasir Gudang 2023.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-30 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MBPG



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-30 Kelab Sukan dan Kebajikan di Dewan Serbaguna Taman Mawar Pasir Gudang pada 25 Jun 2023.

Turut hadir dalam mesyuarat agung adalah Yang Berbahagia Imam Mohd Syafiee bin Abd Rahman penceramah yang dijemput bagi menyampaikan ceramah berkaitan tajuk 'Amanah dan Integeriti Dalam Pekerjaan'. Seramai lebih daripada 500 warga kerja telah hadir dalam mesyuarat kali ke-30 ini.

Mesyuarat berakhir kira-kira jam 5.00 petang dengan acara cabutan bertuah dan jamuan minum petang.

LAWATAN KE RADIOTV MAJLIS BANDARAYA IPOH (MBI)

Unit Media Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah mengadakan lawatan kerja ke Konti Radio dan Studio TV Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pada 24 Mei 2023 bagi menimba ilmu dan mempelajari bagaimana kaedah dan mekanisme yang dilaksanakan dalam menguruskan sistem sebaran maklumat menerusi siaran radio dan TV di MBI.

Lawatan disertai oleh Yang Dihormati Datin Halimah bt Mohamed Rasip, Pengerusi Puspanita MBPG, Puan Siti Famziah bt Azman, Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam (BKPA) MBPG, Encik Edy Irwan bin Isbani, Arkitek Jabatan Bangunan MBPG, Cik Syariza binti Mohamad Sharif, Pegawai Teknologi Maklumat serta warga kerja di bawah Unit Media BKPA.

Puan Siti Famziah dan Tuan Haji Anuar juga berkesempatan bersiaran dan ditemuramah secara langsung oleh DJ Iz semasa melawat ke Konti Radio MBI yang terletak di Aras 1, Bangunan MBI.

Semoga dengan sesi lawatan ini dapat memberikan input, pendedahan dan ilmu berkaitan bidang penyiaran kepada pihak MBPG dalam mempersiapkan konti MBPG yang bakal dirasmikan penghujung Disember nanti.



PROGRAM MOCK DRILL PAGEMA

SENAI DESARU EMERGENCY RESPONSE DRILL (SERD 2023)



Program Mock Drill PAGEMA Senai Desaru Emergency Response Drill (SERD 2023) ini merupakan anjuran MBPG dengan kerjasama pelbagai agensi swasta dan kerajaan antaranya; Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Senai Desaru Expressway (SDE), Shazman Transport, UNIKL, Multimodal Fright Sdn Bhd, Petronas Dagangan Berhad, Petron Malaysia, Shell Malaysia Trading, HAZMAT dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Program yang berlangsung pada 15 Jun 2023 bertempat di Lebuhraya Senai Desaru (SDE) juga merupakan program tahunan melalui anjuran Pasir Gudang Emergency Mutual Aids (PAGEMA).

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg Pn. Hajah Faridah Abd Hamid, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan selaku wakil rasmi Datuk Bandar MBPG bertempat di perkarangan parkir Plaza Tol Cahaya Baru. Turut hadir Encik Jamal Abd Nasir bin Taharim, Ketua Pegawai Eksekutif, Senai Desaru Expressway, Encik Ginderpal Sigh, Pengarah Urusan Shaziman Transport Sdn.Bhd, Encik Mohd Hasdey bin Yaakob, CEO Multimodal Freight Sdn.Bhd dan Ts. Mazlan bin Haji Md Zahid, Timbalan Dekan UniKL.

Senario kejadian berlaku di KM 47-48 di atas Jambatan Sungai Johor yang menggunakan tiga kod latihan kecemasan iaitu kecederaan, kebakaran dan tumpahan kimia *heavy glycol* dan Diesel. Kerja-kerja menyelamat dilakukan akibat kemalangan yang melibatkan tiga buah kenderaan di KM 47 Lebuhraya Senai Desaru SDE (arah barat) di mana telah menyebabkan berlakunya kemalangan dan tumpahan bahan diesel 1000-liter dan bahan kimia *heavy glycol* 500 liter di atas jalanraya. Rentetan daripada rempuhan tersebut, seorang pemandu lori tangki petroleum telah mengalami kecederaan patah kaki serta tersepit di ruang pemandu, lima orang penumpang bas telah mengalami kecederaan parah dan 10 orang daripadanya mengalami sesak nafas akibat terhidu bahan kimia serta cedera ringan. Keseluruhannya seramai 258 orang peserta telah terlibat dengan latihan kecemasan kali ini. "Post Mortem" telah dilakukan sejeurus selesai daripada acara latihan tersebut.

LAWATAN KERJA MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menerima lawatan kerja daripada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) pada 2 Mei 2023 yang diketuai oleh Puan Zarina binti Dato' Haji Mohd Ali selaku Timbalan Setiausaha bersama 15 orang pegawai-pegawai MBIP yang terlibat.

Tujuan lawatan kerja tersebut adalah untuk berkongsi agenda mengenai pelaksanaan transformasi digital di peringkat Pasir Gudang khususnya mengenai sistem kawalan keselamatan yang telah dipraktikkan. Sesuai dengan tanggungjawab MBPG melalui inisiatif "The Greater JB" taklimat turut mengetengahkan informasi berkenaan 'Smart Traffic Light', 'Smart Pole', "Smart Parking" dan beberapa kaedah lain yang berpautan dan sedang dilaksanakan di MBPG.

Lawatan yang dilaksanakan ini dapat memberi manfaat kepada kedua belah pihak melalui perkongsian ilmu demi penambahbaikan masa hadapan seiring dengan visi MBPG menuju kearah Bandar pintar dengan memaksimumkan penggunaan teknologi terkini.

Semoga dengan sesi lawatan yang dianjurkan ini dapat memberikan info dan ilmu yang berguna dalam memperkasakan MBIP kearah pentadbiran yang lebih cemerlang.



LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT



Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menerima lawatan dari Majlis Perbandaran Batu Pahat bagi Proses Pelupusan Kenderaan Buruk/Terbiar pada 25 Jun 2023 yang lepas.

Antara jabatan yang terlibat adalah termasuk Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan dan Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBPG. Lawatan itu telah mencapai objektifnya iaitu untuk mempelajari pengurusan dan proses pelupusan kenderaan terbiar yang dilaksanakan di MBPG.

Turut hadir bersama ketika lawatan tersebut adalah encik Nurazam bin Razali, Pegawai Undang-Undang, encik Muhamad Nazri bin Tongal, Pegawai Penguatkuasa, encik Muhammad Hafiz bin Atan, Penolong Pegawai Penguatkuasa, serta puan Nurazura binti A.Rahman urusetia lawatan tersebut.



LAWATAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC) NEGERI JOHOR KE MUZIUM LAYANG-LAYANG PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan telah menerima kunjungan lawatan tapak dari pihak MOTAC Negeri Johor ke Muzium Layang-Layang Pasir Gudang. Lawatan diadakan bertujuan mengenal pasti keperluan kerja-kerja penyelenggaraan Muzium Layang-Layang Pasir Gudang di bawah peruntukkan MOTAC Johor.

Lawatan tapak dihadiri YBhg. Puan Magdiane Tuborng Melal, Pengarah MOTAC Negeri Johor, Encik Mohd Rasikin Mohamed, Urusetia Projek Pembangunan MOTAC serta Puan Hajah Noorhayati Sarmoen selaku Ketua Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan .

Sejumlah peruntukkan telah disalurkan oleh pihak MOTAC bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan Muzium Layang-Layang Pasir Gudang. Antara kerja-kerjanya adalah menaik taraf papan tanda, membaik pulih stor, kerja-kerja pencahayaan di Astaka Diraja, serta kerja-kerja pembekalan perabot untuk demonstrasi bengkel wau dan stor penyimpanan artifak wau tradisional dan moden.



Majlis PELANCARAN RUMAH TRANSIT

MA

YAYA

2023 | 2.

MAJLIS PELANCARAN

RUMAH TRANSIT YAYASAN PASIR GUDANG DAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bagi memberikan keselesaan dan kemudahan serta bantuan kepada keluarga/individu yang dilanda musibah yang hilang tempat kediaman, MBPG dengan kerjasama Yayasan Pasir Gudang (YPG) telah melancarkan Rumah Transit MBPG dan YPG.

Majlis telah disempurnakan oleh Yang berhormat Tuan Haji Baharuddin bin Mohamed Taib, Adun Permas merangkap Pengerusi Yayasan Pasir Gudang bertempat di perkarangan parkir Blok 55 Rumah Pangsa, Taman Air Biru pada 4 Jun 2023 yang lalu.

Program ini merupakan inisiatif dalam mewujudkan penginapan transit sebagai satu bentuk keprihatinan terhadap keluarga yang ditimpa bencana dan mempunyai keperluan mendesak. Ia juga merupakan pelan kecemasan dan langkah kesiapsiagaan menjadi tempat perlindungan sementara yang perlu disediakan dengan kadar seberapa segera sekiranya berlaku sesuatu bencana atau tragedi yang tidak dijangka.

Walaupun sekadar rumah transit untuk penginapan sementara bagi satu tempoh yang ditetapkan, namun ia dijangka sekurang-kurangnya dapat memberi kelegaan kepada mangsa yang ditimpa tragedi untuk bangkit membina semula kehidupan yang diimpikan. Ini termasuk kos penyambungan bekalan elektrik dan air serta bil bulanan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak MBPG dalam tempoh tersebut.

Sehingga kini MBPG telah menyerahkan sebanyak 10 unit rumah untuk dijadikan rumah transit Yayasan Pasir Gudang bagi tempoh 20 bulan, bermula 1 April 2023 hingga 31 Disember 2024. Semua unit tersebut adalah jenis rumah pangsa 2 bilik berkeluasan 580 kaki persegi dan kesemuanya terletak di tingkat 2, Blok 52 Taman Air Biru. Seramai 3 buah keluarga mangsa ribut telah menerima kunci rumah transit bersempena majlis yang dianjurkan.



WARGA KERJA MBPG MENGIKUTI WEBINAR SAMBUTAN HARI TANPA TEMBAKAU PERINGKAT NEGERI JOHOR 2023

Bagi memberi kesedaran dan kepentingan mengenai keburukan tembakau terutama kepada para perokok, MBPG melalui Klinik Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menganjurkan webinar sempena Sambutan Hari Tanpa Tembakau Peringkat Negeri Johor 2023. Diadakan bertempat di Ballroom Cempaka Jingga Aras 3, program telah dihadiri hampir 150 orang warga kerja MBPG.

Sebanyak 4 topik telah dikongsikan melalui pembentangan oleh pakar-pakar jemputan seperti segmen "Vape & Rokok" yang telah disampaikan Yang Berbahagia Dr. Amirul bin Sohor, Pakar Perubatan Kesihatan Awam. Manakala, segmen "Rokok & Vape dari Sudut Fatwa" telah disampaikan oleh Sohibus Samahah Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Faisal bin Mohamed, Timbalan Mufti Negeri Johor. Selain itu, segmen "Kandungan Vape & Rokok : Berbezakah?" pula disampaikan oleh Yang Berbahagia Dr. Nur Nadia binti Zulkifli, Pensyarah UiTM, dan segmen terakhir "Vape Tidak Berbahaya: Anda Pasti?" dikongsikan oleh Yang Berbahagia Dr. Ng Khai Lip, Pakar Perubatan Dalam-dalam Dan Repiratori.

Diharapkan program yang dianjurkan berjaya memberi kesedaran terhadap betapa buruknya kesan tembakau dalam kehidupan kita khususnya kepada perokok tegar warga kerja MBPG tanpa mengira jenis rokok elektronik (vape), rokok gulung mahupun rokok biasa.





MAJLIS ILMU KELUARGA JANNAH

Dalam membentuk keluarga sakinah, mawaddah dan rahmah, kepentingan ilmu perlu di terapkan dan dipupuk terutama kepada golongan muda yang baru berumah tangga. MBPG dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ) telah menganjurkan program majlis ilmu bertajuk Keluarga Jannah bertempat di Dewan Mawaddah, Masjid Bandar Seri Alam, Pasir Gudang pada 11 Jun 2023.

Disampaikan oleh figura hebat dan terkenal, tokoh agama negeri Johor Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Noh bin Gadot, Penasihat Majlis Agama Islam Johor. Pengisian merangkumi pelbagai aspek ilmu berkaitan bagaimana dan usaha dalam menjayakan sebuah keluarga yang bahagia. Ia juga meliputi pelbagai ilmu agama berkaitan Enakmen

dan Undang-Undang Keluarga Islam yang dipraktikkan di negeri Johor melalui JAIJ.

Semoga perkongsian Majlis Ilmu Keluarga Jannah ini dapat memberikan pelbagai ilmu kekeluargaan kepada para peserta yang menyertai program ini.



PROGRAM GOTONG-ROYONG EKSA

Bagi menghadapi persiapan Audit sebenar EKSA yang dijadualkan akan berlangsung pada bulan Julai 2023, MBPG telah menganjurkan program Gotong-Royong Perdana EKSA pada 26 Mei 2023 yang lalu bertempat di semua lokasi zon EKSA.

Selain aktiviti gotong-royong, program jualan barangan kitar semula 3R turut diadakan bertempat di ruang perkarangan aras 1, Menara Aqabah.

Aktiviti gotong-royong ini bukan sahaja melibatkan bangunan di dalam Menara Aqabah, bahkan turut melibatkan zon-zon EKSA diluar bangunan Menara, antaranya 19 buah dewan MBPG, Perpustakaan Awam, Muzium Layang-Layang dan Pasir Gudang Seramik Craft.

Semoga dengan persiapan EKSA ini, MBPG dapat memperoleh permohonan sijil Cemerlang EKSA 2023 yang dirancang.



TAKLIMAT JOM KURUS 100 HARI



Cabaran 100 Hari Fit To Be MBPG 2023 merupakan kali pertama penganjurannya oleh Klinik Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Melalui program ini, MBPG telah menganjurkan satu sesi taklimat 'Pemakanan dan Gaya Hidup Seimbang' yang disertai oleh 150 orang warga kerja sebagai peserta program. Cabaran berlangsung selama 6 bulan bermula Mei sehingga akhir Oktober 2023.

Sesi taklimat merangkumi, cara pemakanan sihat dan seimbang, cara senaman yang betul dan pelbagai ilmu berkaitan kesihatan dikongsikan.

Semoga dengan adanya program seperti ini, warga kerja MBPG dapat terus menerajui kehidupan yang sihat di samping menjadi warga kerja yang aktif dan cergas.



PERSIAPAN AUDIT EKSA KENDIRI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MBPG telah mengadakan lawatan audit di 27 buah zon EKSA MBPG bagi melihat dan memantau persediaan semua zon dalam menghadapi Pengauditan EKSA Kendiri yang akan dijalankan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Unit Korporat dan Kualiti pada 24 Julai 2023.

Lawatan secara mengejut ini telah diadakan pada 15 Julai yang lalu oleh Bahagian Audit Dalam MBPG. Antara kawasan yang diperiksa bagi setiap zon ialah pintu dan laluan kecemasan setiap aras, tarikh luput alat pemadam api, stor peralatan, ruang kerja, tandas dan pantri.

Semoga dengan sesi lawatan yang diadakan dapat memberi persiapan dan persediaan penuh kepada Semua zon dalam menghadapi Pengauditan sebenar bagi permohonan Persijilan EKSA MBPG 2023.





LAMAN INFO

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



CUACA PANAS

Lindungi ANAK ANDA

- Bekalkan air kosong untuk anak anda
- Pastikan anak anda sentiasa minum air kosong secukupnya, sekurang-kurangnya 8 gelas sehari



DAPATKAN RAWATAN SEGERA JIKA TIDAK SIHAT



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Agenda Nasional
Malaysia Sehat



MyHEALTH
for life



MyHEALTHKKM



sihatmilikku



SCAN ME

PAUTAN INFORMASI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



www.mbpq.gov.my



Majlis Bandaraya
Pasir Gudang



majlisbandarayapg_official



Saluran Aduan
SISPAA

